Segala Puji Bagi Allah SWT

Inti Sari Surah al-Fatihah

Pujian hanya kepada Allah SWT

- Ayat 1-3
- Ucapan “Basmalah” mengajar kita supaya melakukan sesuatu secara ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.
- Ucapan “Alhamdulillah” ialah kata-kata pujian yang dikhususkan kepada Allah SWT sebagai pencipta dan pentadbir alam.

Beriman kepada hari akhirat

- Ayat 4
- Hanya Allah SWT yang memerintah hari akhirat.
- Hari akhirat ialah hari pembalasan terhadap amal manusia selepas kemusnahan dunia.
- Manusia akan melalui titian sirat sebelum memasuki syurga.

Menyembah dan memohon pertolongan hanya kepada Allah SWT

- Ayat 5
- Ubudiyyah ialah mengkhususkan pengabdian diri hanya kepada Allah SWT.
- Istia’nah ialah memohon sesuatu hanya kepada Allah SWT bagi memperoleh kebaikan dan menolak segala keburukan sama ada di dunia atau di akhirat

Jalan yang diredai

- Ayat 6-7
- Memohon hidayah daripada Allah SWT kejalan yang benar .
- Manusia memerlukan hidayah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- Orang yang beriman dan mengikut segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW merupakan golongan yang benar.
- Golongan yang dimurkai ialah penganut Yahudi.
- Golongan yang sesat ialah penganut Nasrani.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.